

# WUJUDKAN SEGERA FAKULTI FARMASI DI UMS, KATA MUSA

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman menggesa Universiti Malaysia Sabah (UMS) supaya mempercepat pengwujudan Fakulti Farmasi di universiti itu.

Beliau berkata, fakulti tempatan di UMS berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memahami jenis atau isu berkaitan penjagaan kesihatan di negeri ini.

Katanya, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), nisbah ahli farmasi dan penduduk yang sesuai ialah 1 untuk setiap 2,000 orang pesakit di negara maju.

"Dengan pengeluaran seramai 1,000 ahli farmasi setiap tahun, Malaysia dijangka akan mempunyai seorang ahli farmasi untuk setiap 1,600 pesakit menjelang tahun 2020.

"Bagaimanapun, jika perbezaan geografi diambil kira, mungkin Sabah mengambil masa yang agak lama untuk mencapai sasaran itu kerana ahli-ahli farmasi mungkin tidak mahu dihantar atau ditugaskan ke negeri ini. Itu sebabnya mengapa kita perlukan Fakulti Farmasi di UMS," katanya.

Beliau berkata dalam teks ucapannya pada Majlis Makan Malam Pertubuhan Farmasi Sabah, di sebuah hotel terkemuka, di sini, malam tadi.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Hajah Azizah Mohd Dun.

Musa berkata, bidang farmasi mempunyai masa depan yang cerah di negeri ini.

Katanya lagi, selain menjadi ahli farmasi masyarakat dan kerajaan, terdapat satu lagi cawangan farmasi yang bernilai untuk diterokai

"Hasrat Malaysia ialah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi boleh dicapai melalui industri farmasi, yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan ubat-ubatan baru.

"Jika kita menetapkan seperti itu, ahli farmasi tempatan boleh menjadi sebahagian daripada pasukan yang mewujudkan penawar baru dan membantu seluruh dunia," katanya.

Musa berkata, Sabah juga dikurniakan kepelbagaian biologi dan pengkomersilan ubat atau jamu tempatan berasaskan tumbuh-tumbuhan tempatan dan asli berpotensi menjana pendapatan yang besar untuk Keluaran Negara Kasar (KDNK).

"Kita mempunyai ribuan pokok semulajadi dan kebanyakan daripadanya berguna untuk sektor kesihatan. Dengan menggunakan sumber-sumber ini secara mampan, Sabah boleh menjadi satu hub bagi perubatan berasaskan tumbuh-tumbuhan dan sebuah pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan perubatan.

"Sekiranya Sabah berupaya mendapatkan satu peratus daripada industri global perubatan berasaskan tumbuh-tumbuhan, kita boleh memperolehi sehingga USD\$2 bilion atau kira-kira RM6.5 bilion yang pasti akan mewujudkan banyak perniagaan sampingan," katanya.

Beliau berkata, langkah itu akan membantu mewujudkan pekerjaan berkualiti dalam pembangunan dan penyelidikan serta kajian klinikal.



**KETUA** Menteri, Datuk Seri Musa Haji Aman, ditemani isteri beliau, Datin Seri Hajah Faridah Haji Tusin, merasmikan pembukaan Pesta Gambus yang dianjurkan oleh Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) di Dewan Masyarakat Papar, kelmarin.

Turut hadir Menteri Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Johnny Mositun, Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Ghulam Haidar Khan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawang, Penasihat PMBS, Datuk Haji Ariffin Haji Ariff yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut, Datuk Zakaria Edris (Adun Gum-Gum), Konsul Brunei bagi Sabah, Daud Haji Mohd Tahir, Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah, Tengku Datuk Zainal Adlin dan Presiden PMBS, Datuk Haji Yusof Datuk Haji Mohd Kassim.

Kelihatan dalam gambar Musa (tiga kiri) mencuba memainkan alat muzik gambus ketika melawat gerai pameran yang terdahulu dirasmikan oleh beliau. Cerita lanjut di Muka 3

Sehubungan itu Musa menggesa mereka yang berkepentingan termasuk ahli farmasi untuk memulakan penerokaan ke dalam industri berpendapatan tinggi itu.

"Kedua-dua kerajaan negeri dan persekutuan akan terus menye-

diakan satu platform yang kondusif bukan sahaja untuk sektor berkembang, tetapi juga untuk menggalakkan lebih banyak kerja saintifik ke dalam mengeluarkan lebih banyak ubat-ubatan baru dan berkesan," katanya.